

DUROMINE[®] CAPSULE

Phentermine (15mg; 30mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Duromine Capsule
2. Bagaimana Duromine Capsule berfungsi
3. Sebelum mengambil Duromine Capsule
4. Cara menggunakan Duromine Capsule
5. Semasa menggunakan Duromine Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Duromine Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Duromine Capsule

Duromine Capsule mengandungi bahan aktif dikenali phentermine.

Phentermine digabungkan dengan resin yang melepaskan phentermine secara perlahan supaya kesan Duromine Capsule berkekalan sepanjang hari.

Duromine Capsule digunakan untuk mengurangkan berat badan pesakit yang obes atau berat badan berlebihan. Doktor anda akan menentukan jika anda sesuai untuk mengambil Duromine Capsule.

Duromine Capsule harus digunakan sebagai sebahagian daripada pelan pengurusan berat badan lengkap yang mengabungkan diet terkawal dan program senaman.

Duromine hanya boleh didapati dengan preskripsi doctor. Ia telah diberikan oleh doctor untuk anda sahaja.

Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun keadaan mereka adalah sama seperti anda.

Tanya ahli farmasi atau doctor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai ubat ini.

Bagaimana Duromine Capsule berfungsi

Duromine Capsule bertindak secara langsung pada kawasan otak yang mengawal selera supaya membuat anda rasa kurang lapar.

Sebelum menggunakan Duromine Capsule

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan menggunakan ubat ini jika anda mempunyai alahan kepada:

- Mana-mana ubat yang mengandungi Phentermine
- Mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.
- Ubat-ubatan lain yang serupa yang digunakan untuk mengurangkan berat badan

Sesetengah simptom reaksi alahan termasuk:

- Sesak nafas
- Bunyi berdehrit atau kesukaran pernafasan
- Bengkak muka, bibir, lidah atau bahagian-bahagian badan yang lain
- Ruam, gatal-gatal atau gatal-gatal pada kulit.

Jangan memberikan ubat ini kepada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

Keselamatan dan keberkesanan di kalangan kanak-kanak yang berumur kurang daripada 12 tahun belum dipastikan.

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai mana-mana masalah kesihatan berikut:

- Tekanan darah tinggi di dalam paru-paru
- Masalah dengan injap jantung
- Tekanan darah yang sederhana atau tinggi
- Penyakit yang berkaitan dengan saluran darah otak
- Penyakit jantung yang serius termasuk perubahan dalam rentak atau kadar degupan jantung
- Penyempitan saluran darah disebabkan penebalan atau pengerasan dinding saluran darah
- Kelenjar tiroid terlalu aktif
- Penyakit psikiatri termasuk anoreksia nervosa (hilang selera makan) dan kemurungan
- Glaukoma (tekanan tinggi dalam mata)
- Jika anda sedang mengambil, atau telah mengambil dalam tempoh 14 hari yang lalu, ubat antidepresan daripada mono-Amin oxidase perencat kelas (MAOI)
- Jika anda pernah menyalahgunakan dadah atau alkohol

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada pek atau jika bungkusannya koyak atau terdapat kesan-kesan terbuka.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula menggunakan ubat ini, berbincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu ahli farmasi anda jika anda mempunyai alahan kepada apa-apa ubat-ubatan lain, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung atau bercadang untuk hamil atau sedang menyusui.

Doktor atau ahli farmasi anda boleh berbincang dengan anda manfaat dan risiko yang terlibat.

Beritahu doktor anda jika anda

- Mempunyai tekanan darah tinggi
- Mempunyai penyakit jantung seperti angina (sakit dada)
- Diabetes
- Menghidap penyakit epilepsi

Jika anda belum memberitahu ahli farmasi atau doktor anda mengenai mana-mana di atas, beritahu dia sebelum anda mula mengambil Duromine Capsule.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat-ubatan lain, termasuk apa-apa yang anda dapat tanpa preskripsi atau yang herba dari farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Duromine Capsule boleh mengganggu satu sama lain. Ini termasuk:

- Ubat sympathomimetic
- Adrenergic neurone blocking drugs, contohnya clonidine, methyldopa dan guanethidine
- Monoamine Oxidase
- Hormon tiroid
- Alkohol

Ubat-ubatan ini mungkin berinteraksi dengan Duromine Capsule atau keberkesannya mungkin terjejas. Anda mungkin memerlukan dos ubat yang berbexa, atau mengambil ubat yang berbeza.

Ahli farmasi atau doktor anda mempunyai maklumat ubat-ubatan untuk memerlukan perhatian atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan Duromine Capsule

Ikut semua arahan pada pek atau arahan yang diberikan oleh ahli farmasi atau doktor anda dengan teliti.

Jika anda tidak memahami arahan pada kotak, minta ahli farmasi atau doktor anda untuk membantu.

-Berapa banyak harus digunakan

Bagi dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun, dos biasa Duromine Capsule adalah satu 30mg kapsul setiap hari. Walau bagaimanapun, doktor anda akan menetapkan dos yang tepat untuk anda.

Dos permulaan yang disyorkan adalah 30mg setiap hari. Bergantung kepada respons, doktor anda mungkin menetapkan 15 atau 30mg setiap hari sebagai dos penyelenggaraan, sama ada secara berterusan atau berselang.

Ikut arahan doktor anda dengan tepat dan jangan menuka dos sendiri.

Meningkatkan dos Duromine tidak semestinya membuat anda kehilangan berat badan lebih atau membuat anda kehilangan berat badan lebih cepat. Walau bagaimanapun, anda kemungkinan akan mengalami kesan sampingan. Doktor anda akan memberitahu anda berapa lama untuk mengambil Duromine Capsule.

-Bila perlu digunakan

Mengambil Duromine Capsule pada waktu pagi semasa bersarapan supaya ia tidak menyebabkan masalah tidur pada waktu malam.

Menelan keseluruhan kapsul dengan air yang banyak. Jangan mengunyah atau membuka kapsul.

Mengambil Duromine pada masa yang sama setiap hari akan memberikan kesan yang terbaik. Ia juga akan membantu mengingatkan waktu pengambilan ubat.

Ia tidak mengapa jika anda mengambil ubat ini sebelum atau selepas makan.

Duromine Capsule tidak disyorkan untuk pesakit warga tua atau kanak-kanak bawah dua belas tahun.

-Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat ini selagi doktor anda memberutahu anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil dos Duromine Capsule anda pada sarapan, mengambil ia tidak lewat daripada waktu makan tengahari. Sebagai alternative, skip dos anda terlepas dan mengambil dos anda pada masa biasa pada hari berikutnya. Jika anda mengambil Duromine Capsule lewat daripada masa makan tengah hari, anda mungkin mempunyai masalah tidur pada waktu malam.

Jangan sekali-kali mengambil dos berganda untuk mengganti dos yang terlepas. Jika anda mempunyai masalah diingatkan mengambil ubat anda, minta nasihat ahli farmasi.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Dengan serta-merta telefon doktor anda untuk nasihat, atau pergi Unit Kemalangan dan Kecemasan di hospital yang terdekat. Jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak Duromine Capsule, lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaian atau keracunan.

Semasa menggunakan Duromine Capsule

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda memulakan sebarang ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengabmil Duromine Capsule.

Beritahu mana-mana doktor lain, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil ubat ini.

Jika anda bakal menjalani pembedahan, beritahu pakar bedah atau

pakar bius bahawa anda mengambil ubat ini.

Jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini, beritahu doktor anda dengan segera.

Jika anda mempunyai apa-apa ujian darah beritahu doktor anda bahawa anda mengambil ubat ini.

Duromine Capsule boleh mengganggu keputusan beberapa ujian.

Hadiri semua temu janji doktor anda supaya keadaan anda dapat diperiksa.

Beritahu doktor anda dengan segera jika berat badan mengurang dengan tiba-tiba atau cepat, sukar bernafas, sakit dada, pengsan, dan kaki bengkak dan jika anda tidak dapat bersenam secara biasa.

-Perkara tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Duromine Capsule untuk merawat apa-apa aduan lain melainkan jika ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

Jangan memberi ubat kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu kesan Duromine Capsule.

Jagan minum arak di samping mengambil Duromine Capsule. Tanyakan dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mula mengambil apa-apa ubat batuk dan selsema.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda secepat mungkin jika anda tidak berasa

sihat semasa anda menggunakan Duromine Capsule.

Jangan berasa bimbang tentang senarai kesan-kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak mengalami apa-apa daripada kesan-kesan ini.

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mendapati mana-mana kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- Jantung anda seolah-olah berdenyut lebih cepat dan lebih kuat
- Tekanan darah menaik sedikit
- Merangsang berlebihan
- Berasa Resah
- Gemuruh
- Insomnia
- Gegaran
- Pening
- Sakit kepala
- Loya
- Muntah
- Kekeringan mulut
- Perut kejang
- Rasa yang tidak menyenangkan
- Cirit-birit
- Sembelit
- Gangguan dalam kencing
- Ruam
- Mandul
- Perubahan dalam nafsu
- Muka edema

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda notis apa-apa yang membuat anda merasa kurang sihat.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga mungkin berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Consumers→Reporting Side Effects

to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Duromine Capsule

-Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pek asal.

Simpan ubat anda di tempat yang suhu sederhana dan kering. (di bawah 30 ° C).

Jangan simpan Duromine Capsule atau mana-mana perubatan lain di bilik mandi atau berhampiran sinki. Jangan biarkan ia di ambang tingkap atau di dalam kereta.

Haba panas dan kelembapan boleh merosakkan ubat ini.

Pastikan ubat ini sentiasa dijauhkan daripada kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter di atas lantai adalah tempat yang baik untuk menyimpan ubat.

-Pelupusan

Tanya ahli farmasi anda apa yang perlu dilakukan dengan mana-mana ubat yang ditinggalkan, atau jika tarikh luput telah berlalu.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Duromine Capsule mempunyai dua kekuatan dalam pek 30 kapsul:

15mg-Warna kelabu dan hijau dengan tanda Duromine 15/Duromine 15

30mg-Warna kelabu dan coklat kemerahan dengan tanda Duromine 30/Duromine 30

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Setiap Duromine Capsule 15mg
mengandungi:

- Phentermine 15mg dalam
bentuk kompleks resin
pertukaran ion

Setiap Duromine Capsule 30mg
mengandungi:

- Phentermine 30mg dalam
bentuk kompleks resin
pertukaran ion

-Bahan tidak aktif

- Magnesium stearate
- Liquid paraffin
- Lactose

-Nombor MAL

MAL18086157ACSZ (15mg)

MAL18086158ACSZ (30mg)

Pengilang

Bausch Health Companies Inc.
2150 Boul. St. Elzear Ouest,
Laval, QC, Canada, H7L 4A8

Pemegang Pendaftaran Produk

iNova Pharmaceuticals (Singapore) Pte
Ltd (Incorporated in Singapore)
Malaysia Branch
5F-2, 5th Floor, Tower 2, @ PFCC, Jalan
Puteri 1/2, Bandar Puteri,
47100 Puchong, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

15/ 01/ 2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)200220/368